

# Hayati kemerdekaan menerusi penulisan

**S**AYA tertarik dengan surat 'Roslee Mardan' dari Universiti Utara Malaysia (UUM) bertajuk 'Kempen 50 tahun merdeka tak menyerlah'. Beliau menarik perhatian mengenai kempen kemerdekaan yang dilihat begitu hambar.

Saya bersetuju dengan pendapat beliau bahawa keamanan, kestabilan kaum, kemajuan dan kekayaan negara adalah anugerah tidak dimiliki oleh negara serumpun dengan kita.

Kita perlu menghargai keamanan dan kekayaan negara melalui segala segi yang ada. Sambutan ke-50 tahun kemerdekaan wajar untuk melahirkan terima kasih di atas keamanan, kestabilan dan kemajuan diberikan negara kepada rakyat.

Dalam mengimarahkan semangat patriotik dan menjayakan kempen 50 tahun kemerdekaan, pelbagai mekanisme boleh dilaksanakan. Antaranya melalui bentuk penulisan.

Detik penting menuntut kemerdekaan, erti kemerdekaan, usaha mengekal dan menjadikan makna kemerdekaan lebih cemerlang sepatutnya diterjemahkan dalam bentuk penulisan agar ia dihargai dan dihayati setiap individu.

Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), institusi awam di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dipilih sebagai Ketua Jawatankuasa Penulisan Rencana sempena 50 tahun kemerdekaan negara.

Kementerian itu giat mengatur aktiviti lain seperti pidato kemerdekaan, penyediaan teks bacaan doa sempena 50 tahun kemerdekaan, pengibaran Jalur Gemilang, karnival patriotik, pameran penyelidikan sempena 50 tahun kemerdekaan dan banyak lagi aktiviti diusahakan oleh Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan swasta (IPTS).

Dalam melaksanakan tanggungjawab bahagian penulisan rencana, Usim melantik wakil IPTA dan IPTS dalam jawatankuasa ini. Mengimarahkan penulisan kemerdekaan dimanifestasikan oleh jawatankuasa ini melalui penulisan artikel berbentuk rencana dan juga buku bertemakan kemerdekaan.

Jawatankuasa ini giat mengumpulkan artikel warga IPTA dan IPTS. Seperti cadangan Roslee, pengisahan sejarah kemerdekaan dan tokoh kemerdekaan perlu dilakukan.

Jawatankuasa dalam usaha menggalakkan penulisan rencana menyenaraikan tema yang dirasakan penting dalam mengimarahkan semangat kemerdekaan, termasuk erti dan definisi kemerdekaan, tokoh kemerdekaan dan sejarah kemerdekaan.

Pihak Jawatankuasa mengalu-alukan penulisan artikel yang berbentuk rencana daripada semua warga IPTA dan IPTS untuk menjayakan sambutan kemerdekaan ke-50 tahun negara dengan penuh makna.

Penulisan berkaitan kemerdekaan mampu menjadi bahan bacaan berguna kepada individu yang ingin memahami dan menghayati nilai kemerdekaan negara.

**SAPORA SIPON,**  
*Pengarah Perhubungan Korporat  
Universiti Sains Islam Malaysia.*